



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## **NAFKAH DALAM KELUARGA: KAJIAN KESEDARAN TERHADAP ISU NAFKAH DALAM KALANGAN MAHASISWA**

### *NAFKAH IN A FAMILY: A STUDY ON AWARENESS OF ISSUES AMONG UNIVERSITY STUDENTS*

Atiratun Nabilah Jamil<sup>1\*</sup>, Nurhidayah Muhamad Sharifuddin<sup>2</sup>, Khafizatunnisa' Jaapar<sup>3</sup>, Fathiah Fathil<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: atiratun1774@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: khafiz920@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: fathi397@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 17.12.2023

Published date: 26.12.2023

##### To cite this document:

Jamil, A. N., Sharifuddin, N. M., Jaapar, K., & Fathil, F. (2023). Nafkah Dalam Keluarga: Kajian Kesedaran Terhadap Isu Nafkah Dalam Kalangan Mahasiswa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 150-158.

#### Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kesedaran mahasiswa yang mengambil kursus Pengurusan Institusi Kekeluargaan Islam (HKR111) mengenai kewajipan serta isu-isu nafkah. Kaedah kajian melibatkan soal selidik yang menilai tahap pengetahuan mengenai kewajipan nafkah dan pandangan mahasiswa terhadap tanggungjawab ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesedaran mengenai kewajipan nafkah masih belum mencapai tahap optimum dan kebanyakannya daripada mereka hanya mempunyai kefahaman yang asas mengenai konsep nafkah. Faktor pendidikan, agama serta kawasan tempat tinggal memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi mereka mengenai hal ini. Mahasiswa yang menerima pendidikan formal yang lebih tinggi dan dididik dalam nilai-nilai agama cenderung mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang kewajipan nafkah. Pengaruh media juga memberi impak kepada persepsi mereka mengenai kewajipan nafkah. Kandungan media yang cenderung memaparkan tanggungjawab ini secara negatif atau dangkal juga dapat mempengaruhi sikap mahasiswa terhadap

DOI: 10.35631/IJLGC.834011

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kONSEP NAFKAH. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran mahasiswa melalui pendidikan formal dan pendidikan agama, serta menggalakkan penghasilan kandungan media yang memberi pandangan yang seimbang dan realistik tentang tanggungjawab nafkah. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk peningkatan kesedaran masyarakat amnya mengenai nafkah. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk memastikan mereka memahami betapa pentingnya tanggungjawab ini dalam pembentukan masyarakat yang bertanggungjawab dan beretika.

#### Kata Kunci:

Isu-Isu Nafkah, Kekeluargaan Islam, Kewajipan Perkahwinan, Mahasiswa

#### Abstract:

This study aims to examine the level of awareness among students taking the course on Islamic Family Institution Management (HKR111) regarding obligations and issues related to financial support. The research method involves a questionnaire assessing the students' knowledge of financial obligations and their views on this responsibility. The study results indicate that awareness of financial obligations has not yet reached an optimum level, and most students only have a basic understanding of the concept of financial support. Educational background, religion, and residential area play a crucial role in shaping their perceptions on this matter. Students with higher formal education and upbringing in religious values tend to have a deeper understanding of financial obligations. Media influence also impacts their perceptions of financial obligations. Media content that tends to portray this responsibility negatively or superficially can influence students' attitudes toward the concept of financial support. Therefore, there is a need to enhance student awareness through formal education and religious teachings, as well as encourage the creation of media content that provides a balanced and realistic view of financial responsibilities. Overall, this study suggests that there is room for improving general public awareness of financial support. Continuous efforts are required to ensure that they understand the importance of this responsibility in shaping a responsible and ethical society.

#### Keywords:

Financial Support Issues, Islamic Family, Marital Obligations, Students Awareness

## Pengenalan

Nafkah merupakan satu pemberian atau tanggungan wajib dalam Islam dan dipecahkan kepada beberapa jenis antaranya adalah nafkah ayah kepada anak, nafkah suami kepada isteri. Fuqaha memecahkan takrifan nafkah kepada dua mengikut kata dasar perkataan dalam bahasa arab seterusnya mendefinisikannya dari sudut bahasa dan istilah. Pertama, menurut Ibn Manzur, nafkah berasal daripada perkataan anfaqa, iaitu mengeluarkan harta atau memberikannya. Daripada segi bahasa, nafkah bermaksud mengeluarkan dan berlalu pergi, memberi makan kepada binatang yang melata, apa-apa yang dikeluarkan oleh tuan punya barang atau barang yang boleh musnah. Daripada segi istilah pula memberi maksud mengeluarkan saraan kepada seseorang yang diwajibkan ke atasnya seperti roti, lauk-pauk, pakaian, tempat tinggal dan apa-apa yang berkaitan dengan harga air (di Tanah Arab), minyak sapi, lampu, dan seumpama

dengannya. Definisi kedua pula, nafkah juga berasal daripada perkataan nafaqa, iaitu mengeluarkan. Daripada segi bahasa bermakna apa-apa yang dikeluarkan oleh manusia terhadap anak-anaknya dan daripada segi istilah syarak bermakna memberikan belanja secukupnya mencakupi makanan, pakaian dan tempat tinggal (Al-Juzairi, 2001).

Menurut Undang-undang pula, secara spesifiknya tiada tafsiran nafkah secara khusus dinyatakan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor kecuali menerangkan berkenaan dengan apa yang perlu ditanggung sebagai nafkah iaitu mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya (Bahiyyah Ahmad 2013). Walaubagaimana pun, dapat difahami bahawa nafkah adalah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada tanggungan yang wajib atas sebab perkahwinan, keturunan dan pengangkatan.

### **Permasalahan Kajian**

Dewasa kini, isu nafkah sering menjadi tajuk utama perbalahan antara dua pihak terutamanya pihak-pihak yang mengharungi proses perceraian dan perbalahan. Keadaan menjadi lebih rumit apabila perkara ini mendapat hasutan-hasutan daripada pihak luar yang tidak berkaitan untuk menuntut jumlah nafkah yang wajib diberikan tanpa mengambil kira kemampuan pasangan yang sepatutnya mengeluarkan atau memberi nafkah tersebut. Terdapat juga pihak berpandangan bahawa nafkah mestilah diberikan dalam bentuk wang ringgit sedangkan nafkah ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tanggungannya dan ia termasuklah keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, keagamaan dan perubatan, bukan semata-mata dengan wang ringgit dan ia dinamakan nafkah kerana dikeluarkan atau digunakan untuk keperluan itu (Robiatul Adawiyah Mohd, 2009).

Terdapat pelbagai nas al-Quran dan al-Sunnah berkenaan nafkah di antaranya, Firman Allah SWT yang bermaksud (al-Talaq: 7) :

*“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”*

Hak anak-anak terhadap nafkah ini diperkuatkan lagi oleh Hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Aishah RA meriwayatkan bahawa Hind binti ‘Utbah, iaitu isteri kepada Abu Sufian telah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata, “Abu Sufian seorang yang kedekut. Dia tidak menyediakan nafkah yang mencukupi untuk diriku dan anak-anakku tetapi (aku terpaksa) mengambil (sebahagian) hartanya tanpa pengetahuan beliau. Adakah aku berdosa? Rasulullah terus berkata: ambillah daripadanya apa-apa yang menjadi kebiasaan yang mencukupi bagimu dan anak-anakmu.”*

*(HR Bukhari dan Muslim)*

Hadis di atas pula menerangkan bahawa nafkah merupakan satu kewajipan yang mesti diberikan oleh pihak yang menganggung dan jumlah nafkah tidak ditentukan secara spesifik akan tetapi mestilah sesuatu yang menjadi kebiasaan dan mencukupi.

Oleh yang demikian, penulisan ini akan merumuskan serta melihat kesedaran masyarakat, tertumpu kepada pelajar yang mengambil kursus HKR111 (Pengurusan Institusi Kekeluargaan Islam) mengenai isu-isu perihal nafkah dalam perkahwinan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan data kuantitatif melalui kaedah pengumpulan data menggunakan tinjauan soal selidik. Soal selidik ialah sejumlah soalan yg dikemukakan secara berterusan dalam borang tertentu untuk dijawab oleh sebilangan orang dalam usaha mencari dan mengumpulkan maklumat tertentu untuk memenuhi objektif kajian iaitu mengenalpasti sejauh mana tahap kesedaran mahasiswa mengenai isu-isu dalam pemberian nafkah keluarga dan keprihatinan mahasiswa untuk membantu mengurangkan kekeliruan mengenai perihal nafkah dalam keluarga (Kamus Dewan, 2014). Penggunaan borang soal selidik dipilih bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala, 2017).

Sebanyak 80 borang soal selidik secara dalam talian telah diedarkan kepada mahasiswa UiTM Cawangan Perak yang mengambil kursus HKR111 iaitu Pengurusan Institusi Kekeluargaan Islam semester Mac-Ogos 2023. Kaedah mengedarkan borang soal selidik dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian Google Form. Kaedah secara dalam talian telah dipilih bagi mengedarkan borang soal selidik ini kerana kaedah ini dilihat paling popular yang digunakan dalam penyelidikan pada masa kini (Raja, 2018). Kaedah ini juga mudah dilakukan dengan menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui e-mel, WhatsApp atau Telegram bagi mendapatkan jumlah responden yang maksimum dengan mudah dan cepat (Raja, 2018). Skala Likert digunakan untuk menunjukkan kekerapan iaitu antara 1 hingga 5: (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju, (5) Sangat setuju.

### **Sorotan Kajian**

Kajian yang dilakukan oleh Badruddin Haji Ibrahim et. al (2013) yang bertajuk “Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya” menjelaskan mengenai hak-hak nafkah anak menurut peruntukan undang-undang berdasarkan kelayakan, tempoh dan kewajipan-kewajipannya. Selain itu, dalam kajian ini contoh kes berkaitan yang memerlukan kepada tiga keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal juga disentuh. Selain itu, fuqaha dalam mazhab Imam Syafie seperti al-Syarbini dan al-Ramli menambah tiga lagi keperluan utama iaitu pengajian atau pendidikan, rawatan dan kos. Kajian ini secara umumnya hanya menyentuh berkaitan hak-hak wajib yang perlu disediakan oleh bapa kepada anak mereka.

Kajian seterusnya oleh Mohd Hazwan Ismail (2022) yang bertajuk “Penyelesaian Pertikaian Alternatif Secara Rundingcara ke Atas Kes Tunggakan Nafkah di Era Pandemik Covid-19 di Mahkamah Syariah Pulau Pinang” hanya menyentuh berkaitan kes-kes tunggakan nafkah yang berjaya diselesaikan semasa pandemik Covid 19 akibat dibuang kerja dan sebagainya. Seterusnya dalam kajian oleh Zaini Nasoha (2018) menganalisis bentuk-bentuk nafkah yang diluluskan oleh mahkamah yang merangkumi keperluan seperti makanan, pakaian,

perbelanjaan persekolahan, perubatan dan hari raya. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa hakim menilai dari sudut kemampuan dan juga keperluan bagi setiap anak dan keputusan hakim tidak tertakluk kepada permohonan daripada Pemohon. Walau bagaimanapun, kajian di atas hanya membincangkan mengenai tuntutan nafkah anak sahaja dan ia tidak membincangkan mengenai perubahan yang telah diberi keputusan mahkamah terdahulu serta tidak membincangkan juga mengenai kesedaran masyarakat mengenai perihal nafkah.

Selain itu, kajian-kajian kes daripada Jurnal Hukum mengenai tuntutan nafkah yang tidak diluluskan seperti yang dimohon oleh Pemohon misalnya kes Rosseliwati binti Hussein lwn. Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz (2013) yang mana dalam kes ini Pemohon telah memohon nafkah sebanyak RM6,260 bagi kedua-dua anak. Namun dalam keputusan hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hakim telah memerintahkan nafkah yang perlu dibayar sebanyak RM1,200 sahaja. Begitu juga dalam kes Ezlin Erina binti Mohd Noor lwn. Samsuddin bin Jilani (2014) dimana permohonan yang dibuat oleh Pemohon adalah RM3,000.00. Keputusan yang diterima untuk defendant melaksanakan pembayaran adalah sebanyak RM750. Keputusan yang sama dalam kes Sarah binti Hamzah lwn. Adam Stanislaw Naglik @ Adam bin Abdullah (2018). Dalam kes ini Pemohon telah memohon nafkah anak kepada Mahkamah Tinggi Syariah Selangor sebanyak RM16,000. Walau bagaimanapun, hakim memberi keputusan dengan hanya membenarkan separuh daripada potongan jumlah yang dimohon iaitu RM8,000. Ketiga-ketiga kes di atas, hakim menilai dari segi keperluan hajiyat dan tahnisiyyat berdasarkan kemampuan defendant dan juga keperluan terhadap anak-anak. Dalam kajian ini juga, apabila dilihat kepada jumlah yang dipohon oleh plantif juga adalah satu jumlah yang perbezaannya agak ketara dengan jumlah yang diluluskan oleh mahkamah. Secara tersiratnya dapat difahami bahawa ada masyarakat yang masih tidak memahami konsep nafkah dalam erti kata sebenar.

Oleh itu, daripada kajian-kajian lepas telah menunjukkan terdapatnya kelompongan yang boleh diisi dengan kajian ini. Kajian ini akan membahaskan mengenai kesedaran mahasiswa khususnya isu-isu berkaitan dengan perihal nafkah serta apa yang sebetulnya wajib diberikan serta disediakan oleh suami dalam perkahwinan. Kajian ini juga memfokuskan kepada 80 orang mahasiswa yang mengambil kursus HKR111.

### Turutan Pemberi Nafkah

Nafkah kepada seorang anak pada asalnya adalah di bawah tanggungan bapanya. Menurut Seksyen 73 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor mengenai kewajipan menanggung nafkah anak menyatakan bahawa:

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Manakala seksyen 73 (2) menyatakan bahawa:

(2) Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Menurut seksyen 73 (2) ini jelas menyatakan bahawa sekiranya bapa kepada anak itu tidak mampu memberikan nafkah atau tidak mampu menanggung nafkah anak sekadar keperluan asas anak, maka kewajipan tersebut akan berpindah kepada seseorang yang bertanggungan di bawah hukum syarak iaitu bapa, datuk sebelah bapa, bapa saudara seibu seba, bapa saudara seba, anak lelaki daripada bapa saudara seibu seba hingga ke bawah, anak lelaki daripada bapa saudara seba hingga ke bawah, datuk saudara seibu seba, datuk saudara seba, anak lelaki daripada datuk saudara seibu seba hingga ke bawah dan anak lelaki daripada datuk saudara seba hingga ke bawah.

Selain itu, sekiranya pemberi nafkah kerap kali culas dalam memberikan naflkah, Mahkamah boleh memerintahkan pihak yang berkewajipan membayar nafkah untuk mencagarkan sesuatu bagi menjamin pemberian nafkah secara berterusan tanpa culas dan ini selari menurut seksyen 63 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor menyatakan bahawa:

*Mahkamah boleh, apabila menentukan nafkah, memerintahkan orang yang bertanggungan membayar nafkah itu supaya memberi cagaran bagi kesemua atau apa-apa bahagiannya dengan meletakkan apa-apa harta pada pemegang-pemegang amanah dengan amanah supaya membayar nafkah itu atau sebahagiannya daripada pendapatan harta itu.*

### **Analisis Dan Perbincangan**

Tahap kefahaman dan persepsi mahasiswa berkaitan gejala silang gender ini dinilai melalui persoalan-persoalan yang berkaitan dengan situasi gejala ini di Malaysia. Hasil kajian dapat dilihat secara terperinci di dalam jadual 2 dan 3.

#### ***Bahagian A : Latar Belakang Responden***

**Jadual 1 : Latar Belakang Responden**

Item	Total (%)
Lelaki	37.5
Perempuan	62.5

**Bahagian B : Kefahaman Mahasiswa Mengenai Kewajipan Nafkah Dalam Perkahwinan**

**Jadual 2 : Kefahaman Mahasiswa Mengenai Kewajipan Nafkah Dalam Perkahwinan**

ITEM	KEFAHAMAN (%)				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
S1. Saya jelas dengan definisi nafkah menurut Islam	0.0	2.8	9.7	50	37.5
S2. Saya tahu mengenai isu semasa berkaitan nafkah di Malaysia	0.0	5.6	27.8	45.8	20.8
S3. Saya sering mengikuti perkembangan isu nafkah di Malaysia.	1.4	20.8	41.7	31.9	4.2
S4. Saya faham nafkah diberikan kepada isteri dan anak ketika dalam tempoh perkahwinan	0.0	4.2	8.3	44.4	43.1
S5. Saya faham jenis nafkah yang wajib diberikan oleh suami	1.4	5.6	15.3	48.6	29.2
S6. Saya faham jumlah nafkah diambil kira berdasarkan kemampuan suami/bapa	1.4	12.5	12.5	50	23.6
S7. Saya faham nafkah berbentuk wang tunai tidak wajib diberikan jika tempat tinggal dan keperluan asas disediakan dengan sempurna	5.6	16.7	26.4	38.9	12.5
S8. Saya faham Islam membenarkan isteri membantu suami dalam urusan nafkah kepada anak	2.8	2.8	13.9	56.9	23.6
S9. Saya faham dan saya tahu wujud undang-undang berkaitan dengan nafkah di Malaysia	0.0	15.3	15.3	44.4	25
S10. Saya faham jenis hukuman yang dikenakan akibat pengabaian nafkah	1.4	22.2	22.2	27.8	26.4
S11. Saya faham nafkah boleh dituntut di Mahkamah walaupun tidak bercerai	0.0	12.5	29.2	34.7	23.6

Berdasarkan jadual 2, kita dapat lihat dalam S1, sebanyak 87.5% mahasiswa jelas dengan definisi nafkah sebagaimana yang digariskan dalam Islam manakala 9.7% tidak pasti mengenai pentakrifan nafkah dan 2.8% tidak tahu tentang definisi nafkah menurut Islam. Apabila dilihat kepada S2 pula sebanyak 66.6% mahasiswa cakna mengenai isu-isu berkaitan nafkah manakala selebihnya iaitu 27.8% tidak pasti dan 5.6% tidak cakna. Bagi S3, sebanyak 36.1% responden sering mengikuti perkembangan isu nafkah di Malaysia, namun 41.7% responden tidak pasti dan 20.8% tidak tahu akan perkara ini. Pada S4 pula, mengenai kefahaman nafkah diberikan kepada isteri dan anak dalam tempoh perkahwinan, sebanyak 87.5% setuju mengenai perkara ini, diikuti 8.3% tidak pasti dan 4.2% tidak setuju.

Dalam S5, berkaitan jenis nafkah yang diberikan dalam perkahwinan, 77.8% setuju faham mengenai perkara ini, 15.3% tidak pasti dan 5.6% tidak faham dan setuju. Bagi S6, 73.6% responden faham dan sangat faham jumlah nafkah diambil kira berdasarkan kemampuan suami/bapa. Manakala 12.5% responden tidak pasti dan 13.9% responden tidak faham akan perkara ini. Dalam S7, sebanyak 51.4% faham nafkah berbentuk wang tunai tidak wajib diberikan jika tempat tinggal dan keperluan asas disediakan dengan sempurna dan selebihnya tidak pasti dan tidak faham. Bagi S8, 80.5% responden faham dan sangat faham bahawa Islam membenarkan isteri membantu suami dalam urusan nafkah kepada anak. Manakala 13.9% responden tidak pasti dan 5.6% responden tidak faham mengenai perkara ini.

Bagi S9, sebanyak 69% sangat faham dan faham mengenai wujudnya undang-undang berkaitan nafkah di Malaysia. 15.3% tidak pasti dan selebihnya iaitu 15.3% tidak faham mengenai wujudnya undang-undang berkaitan nafkah di Malaysia. Bagi S10, sebanyak 26.4% sangat faham dan 27.8% faham mengenai hukuman yang akan dikenakan akibat pengabaian nafkah. 22.2% adalah tidak pasti dan selebihnya iaitu 22.2% tidak faham dan 1.4% sangat tidak faham. Bagi S11, sebanyak 23.6% sangat faham mengenai nafkah boleh dituntut di mahkamah walaupun tidak bercerai, 34.7% faham, 29.2% tidak pasti dan selebihnya 12.5% tidak faham dan tidak tahu.

## Kesimpulan

Objektif kajian penyelidikan ini dicapai mengikut peratusan bagi setiap huraihan. Ia dapat dilihat bahawa tahap kefahaman mahasiswa mengenai isu nafkah di Malaysia masih di tahap sederhana. Ini disebabkan masih terdapat mahasiswa yang tidak cakna isu yang semakin sering diperkatakan terutamanya dalam platform media sosial di negara kita kerana telah wujud cubaan untuk mewujudkan salah faham mengenai isu ini di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa adalah penting untuk memastikan isu ini diketahui oleh seluruh masyarakat khususnya mahasiswa yang beragama Islam supaya mereka tidak terjebak dengan salah faham seterusnya boleh memberi kesan jangkamasa pendek dan panjang dalam perkahwinan. Namun, mahasiswa tahu bahawa hukum nafkah dan belajar mengenai nafkah adalah wajib di dalam agama Islam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa mahasiswa untuk lebih mengambil berat dan berpengetahuan mengenai isu semasa yang berlaku di negara kita. Adalah disyorkan supaya pihak berkuasa berkongsi maklumat-maklumat yang berkaitan supaya ianya dapat difahami dengan maksud sebenar daripada terus disalahertikan disamping pengukuhan terhadap penghayatan agama juga perlu dititikberatkan dalam diri setiap individu di Malaysia.

## Penghargaan

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence M Sdn Bhd serta kepada semua yang telah terlibat dalam menghasilkan dan menerbitkan artikel ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

## Rujukan

- Abdul Rahman al-Juzairi, 2001. "Bab al-Nikah Wa al-Talaq" dlm. al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah. Juzuk 4. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar
- Badruddin Hj. Ibrahim & Azizah Binti Mohd, Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya, Vol 25 No 2 (2013): *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia Jilid 25 Bil. 2 Disember 2013.*
- Bahiyah Ahmad, Raihana Azhari & Asmak Ab Rahman, Kriteria Kifayah Dan Ma'ruf Nafkah Isteri Dan Anak: Kajian Pelaksanaan Semasa Di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 3 (2013) 311-342.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection And Designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 1-3.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Jumni Nelli, Analisis Tentang Kewajiban Nafkah Keluarga Dalam Pemberlakuan Harta Bersama, *Jurnal Hukum Islam Vol 2, No 1 (2017)*.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin, Pengabaian Kanak-Kanak Dan Jaminannya Menurut Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Malaysia, *Journal of Contemporary Islamic Law*, (2019) Vol. 4(1): 18-28.
- Kamaruddin, Z. Abdullah, R. (2006). Poligami dan Undang-Undang : Isu dan Realiti, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Raihanah Azhari, Bahiyah Ahmad & Asmak Abd Rahman, 2012, Penentuan Kadar Kifayah Dan Ma'ruf Nafkah Anak Dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah, *Jurnal Syariah Vol. 20 No. 2 (2012)*, 145-162.
- Raja, R., & Nagasubramani, P. C. (2018). Impact of Modern Technology in Education. *Journal of Applied and Advanced Research*, 3, 33-35
- Robiatul Adawiyah Mohd, Hak-Hak Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah, 2009, Universiti Sains Islam Malaysia : Nilai
- Siti Nur Hazimah Hamid, Bahiyah Ahmad, Shahidra Abd Khalil & Zunaidah Mohd Marzuki, Pembiayaan Nafkah Anak Yatim: Tinjauan Menurut Perspektif Fiqh, Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia Serta Kefahaman dan Amalan Masyarakat, *Akademiaka 90(1), April 2020: 137-149.*
- Suhaizad Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya, Peranan Undang-Undang Syariah di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah, *Journal Of Muwafaqat Vol. 4, No. 1, 2021.*
- Syh Noorul Madiyah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman, Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam , *Jurnal Syariah: Vol. 22 No. 3 (2014): Jurnal Syariah.*